

Lawatan Penilai Luar Program Fizik Dengan Elektronik

Artikel oleh: Saturi Baco



Program Fizik dengan Elektronik telah menerima kunjungan penilai luar iaitu Prof. Feng Yuan Ping, Profesor Fizik dari National University of Singapore. Kunjungan beliau selama 3 hari bermula 3 - 5 Disember 2012 adalah untuk menilai pelaksanaan dan kandungan struktur program secara menyeluruh. Beliau juga turut memberi pandangan berkenaan lanjutan program dari tempoh tiga ke empat tahun pengajian.



Sesi perbincangan antara beliau bersama pelajar-pelajar pascasiswazah dan Program prasiswazah Fizik dengan Elektronik juga diadakan. Prof. Feng turut menyampaikan syarahan akademik yang bertajuk *Designing Materials for Future Technology*. Dengan kunjungan beliau diharapkan segala pandangan dan cadangan yang dilontarkan dapat membantu dalam penambahbaikan Program Fizik dengan Elektronik untuk menjadi lebih mantap di masa hadapan.